

**UNTUK SIARAN SEGERA**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

### **KESUMA MENGANJURKAN KARNIVAL KEMAHIRAN HIJAU DAN KARNIVAL KERJAYA HIJAU 2024 KE ARAH KEMAMPAHAN MASA HADAPAN**

**KUALA LUMPUR, 24 April** – Bersempena dengan penganjuran Forum Pekerjaan Hijau ASEAN yang diadakan dengan kerjasama kerajaan Australia, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menganjurkan **Karnival Kemahiran Hijau KESUMA dan Karnival Kerjaya Hijau KESUMA MYFutureJobs** yang berlangsung selama 3 hari dari **25 April hingga 27 April 2024** bertempat di **Avenue K Mall, Kuala Lumpur**. Acara ini selaras dengan usaha KESUMA untuk menggalakkan pertumbuhan dan penciptaan peluang pekerjaan hijau dalam negara sejajar dengan pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan di rantau ini.

Menerusi Karnival Kemahiran Hijau KESUMA oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), para pengunjung berpeluang untuk menyertai 12 program bual bicara (pocket talk) yang akan membincangkan pelbagai topik. Antara pengisian yang akan dibincangkan termasuklah membongkar kemahiran mampan, keperluan kemahiran hijau, peluang yang wujud daripada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), strategi ke arah kemampanan serta keseimbangan kehidupan bekerja dan penerokaan kerjaya yang bermanfaat dalam ekonomi hijau.

TalentCorp menampilkan para penceramah daripada pelbagai organisasi seperti Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia, EY Malaysia, LinkedIn Malaysia, HRD Corp, Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), Malaysian PayGap, serta pelbagai lagi.

Dalam Karnival ini juga, terdapat pelbagai organisasi yang akan mempamerkan usaha mereka dalam kemampanan inovasi teknologi hijau. Turut serta, pempamer dari universiti yang akan mempamerkan kursus dan modul yang berkaitan dengan kemahiran hijau. Antara 22 pempamer termasuklah POS Malaysia, Modenas, Gentari, Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), Cyberview Sdn Bhd, Amanah Lestari Alam, Sustain.Ed - Sea Monkey Project X Earth Heir, Universiti Teknologi & Inovasi Asia Pasifik (APU), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), serta banyak lagi.

Pada masa yang sama, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut akan menganjurkan Karnival Kerjaya Hijau MYFutureJobs, di mana ia akan menawarkan lebih 3,000 peluang pekerjaan dari hampir 60 majikan untuk rakyat Malaysia. Majikan

**UNTUK SIARAN SEGERA**

yang mengambil bahagian termasuk AEON Co. (M) Berhad, RHB Bank Berhad, DME Solutions Sdn Bhd, Kumpulan Tan Chong, IHH Healthcare Malaysia, FGV Holdings Berhad, Sols Energy Sdn Bhd, United Solar Energy Malaysia Sdn Bhd, ERS Energy Sdn. Bhd, Ranhill Bersekutu Sdn Bhd, IFP Engineering Solutions Sdn Bhd, UOA Group, dan banyak lagi.

YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia telah dijadualkan untuk melancarkan Karnival Kemahiran Hijau KESUMA dan Karnival Kerjaya Hijau KESUMA MYFutureJobs pada hari pertama jam 11.00 pagi. Orang ramai dijemput untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam karnival tersebut untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan kemahiran hijau serta syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan hijau. Karnival ini akan berlangsung dari 25-27 April dari 10.00 pagi hingga 5.00 petang, dan kemasukan adalah percuma.

Sebagai tambahan, PERKESO turut akan mengadakan Karnival Kerjaya MYFutureJobs KESUMA Madani bersempena Hari Pekerja 2024 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 30 April dan 1 Mei ini. Karnival ini akan menawarkan lebih 10,000 jawatan kosong. Ia turut akan diadakan di beberapa Negeri termasuklah Kelantan pada 4-5 Mei, Johor pada 5 Mei serta Sarawak pada 18 – 19 Mei 2024.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KUALA LUMPUR  
24 APRIL 2024**